



Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



SIARAN MEDIA

PRODUK INOVASI JKM DIKTIRAF PERINGKAT ANTARABANGSA

PUTRAJAYA, 21 APRIL – Dua (2) daripada produk inovasi ini yang mempunyai nilai komersial telah menyertai pertandingan antarabangsa iaitu **TOMEKER** yang direkacipta oleh Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Seberang Perai Tengah dan **MOPAR** yang direkacipta oleh Bahagian Kebajikan Produktif, JKM dengan kerjasama *Technology Park* Malaysia.

Menurut Menteri, YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Kedua-dua produk tersebut telah dipilih menyertai *43rd International Exhibition of Inventions of Geneva*, Switzerland pada 15 hingga 19 April 2015 yang mana merupakan lokasi ideal untuk mempromosikan produk-produk inovasi.

“Produk-produk inovasi JKM telah menyertai pelbagai pameran dan pertandingan yang dianjurkan di peringkat tempatan dan telah memenangi pelbagai anugerah di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Negeri dan Kebangsaan,” kata Rohani.

Terdapat 10 produk inovasi yang dihasilkan oleh warga JKM untuk dikomersilkan melalui Program Inovasi Inklusif “*Women Innovate*” yang diselenggarakan oleh bahagian Kawalan Standard JKM terdiri daripada produk-produk keperluan harian, barangan wanita, alat bantuan orang kurang upaya (OKU) dan lain-lain lagi.

“Tahniah diucapkan kepada JKM atas pengiktirafan pingat emas yang diperolehi melalui produk inovasi **TOMEKER** manakala pingat gangsa pula diperolehi bagi produk inovasi **MOPAR** yang dipamerkan di pameran tersebut.

“Semoga penyertaan pertama kali dalam pameran antarabangsa ini akan membuka ruang dan peluang kepada JKM melangkah ke arena global setelah 69 tahun JKM ditubuhkan,” tambahnya lagi.

MAKLUMAT TAMBAHAN

43rd INTERNATIONAL EXHIBITION OF INTERVENTIONS OF GENEVA diiktiraf sebagai “*the world’s most important market-place for interventions*” yang merupakan lokasi yang ideal untuk mempromosi produk-produk inovasi. Pameran ini juga dinaungi oleh *World Organization for Intellectual Property* (WIPO) dan Kerajaan Switzerland. Setiap tahun 800 peserta dari 45 negara telah menyertai pameran ini dengan lebih 1,000 produk dipamerkan dan mendapat liputan daripada 650 agensi media antarabangsa. Setiap produk yang dipamerkan akan diadili oleh 82 juri antarabangsa yang akan membantu dalam pengkomersilan produk berkenaan.

TOMEKER adalah merupakan tongkat pelbagai guna yang boleh dijadikan seperti meja ataupun kerusi. Ketinggiannya boleh dilaraskan mengikut kesesuaian pengguna. Ianya adalah ringan, mudah untuk dibawa dan disimpan. Kegunaannya adalah untuk membantu warga emas atau golongan orang kurang upaya (OKU) dalam menjalankan aktiviti harian dan juga mengurangkan kebergantungan terhadap orang lain.

MOPAR adalah merupakan pemisah (partition) mudah alih yang direka untuk kegunaan di pusat pemindahan semasa berlakunya bencana seperti banjir, kebakaran, gempa bumi dan lain-lain lagi. Ianya juga boleh dijadikan sebagai pemisah atau boleh disambungkan untuk dijadikan bilik atau kiub. Ianya memberi keselesaan, privasi dan keselamatan kepada mangsa bencana. Mudah untuk dipasang, dibawa dan disimpan.

DELEGASI JKM KE GENEVA

1. Tn. Hj. Mohd Fazari b. Mohd Salleh
Timbalan Ketua Pengarah (Strategik) JKM
2. En. Ahmad Tarmidi Nawawi b. Abdul Razak
Ketua Penolong Pengarah
Cawangan Inovasi, Bahagian Kawalan Standard JKM
Urusetia dan Jurucakap Produk Inovasi
3. En. Shaharзад Yusof
Penolong Setiausaha
Unit Inovasi, Penyelarasan dan Keurusetiaan
Bahagian Khidmat Pengurusan
KPWKM
4. En. Zulkifli b. Din
Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Prai Tengah
Pereka Cipta Produk Inovasi (TOMEKER) dan Jurucakap Produk Inovasi

####

Disediakan oleh : Jabatan Kebajikan Masyarakat
Aras 6, 9-18, No. 55
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Putrajaya
No.Telefon : 019-2333110 (Haneem)
Tarikh dikeluarkan : 21 April 2015